

PIDM dan Cagamas bersama kukuhkan perlindungan konsumen kewangan

Jalinan kerja sama ditandatangi

Kuala Lumpur : Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) baru-baru ini menandatangani perjanjian bersama Cagamas Berhad (Cagamas) sebagai sebahagian daripada rancangan luar jangkanya bagi memastikan kesedaran operasi PIDM. Kerjasama ini merupakan salah satu daripada beberapa urus niaga pembentukan alternatif untuk memastikan Perbadanan mempunyai akses kepada dana yang tersedia sekiranya diperlukan.

Dana ini akan diperolehi daripada terbitan sekuriti hutang Cagamas kepada pasaran modal.

"Kerjasama dengan Cagamas ini melengkapi pelbagai inisiatif PIDM bagi memastikan PIDM bersedia untuk melaksanakan intervensi atau resolusi dengan segera terhadap institusi ahli yang bermasalah sebagai sebahagian daripada mandatnya untuk mengekalkan kestabilan sistem kewangan.

Kesediaan dan keberkesanannya operasi merupakan aspek kritis bagi mencapai mandat PIDM dan memperkuatkannya perlindungan konsumen kewangan," kata Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, Encik Jean Pierre Sabourin.

Di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)

2011, Perbadanan merupakan pihak berkuasa pelaksanaan resolusi di Malaysia bagi bank-bank ahli dan

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Malaysia Deposit Insurance Corporation) ahli penginsurans, dan mempunyai pelbagai kuasa perundungan untuk melaksanakan intervensi awal terhadap institusi ahli yang bermasalah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kegagalan institusi ahli.

Sementara itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad, Encik Chung Chee Leong berkata, "Cagamas berbesar hati untuk bekerjasama dengan PIDM dalam meningkatkan pelan kesedian operasinya. Kerjasama ini dapat memberi manfaat bersama dan akan membantu mengukuhkan sumbangan PIDM dan Cagamas kepada industri kewangan secara keseluruhannya."

"Cagamas merupakan salah sebuah perbadanan gadai janji sekunder yang terawal ditubuhkan di rantau ini dan kami sedang meningkatkan peranan kami dengan inisiatif-inisiatif baru seperti kerjasama dengan PIDM," tambah beliau.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Encik Sabourin dan Encik Chung di Kuala Lumpur baru-baru ini dan disaksikan oleh pegawai-pegawai

kanan kedua-dua organisasi.

MENGENAI PIDM

PIDM mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berkanun di Malaysia. Menerusi sistem-sistem ini, deposit bank serta manfaat takaful dan insurans yang layak dilindungi di bawah undang-undang. Sebagai sebahagian penting daripada jaringan keselamatan kewangan nasional, kami menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

MENGENAI CAGAMAS

Cagamas telah ditubuhkan untuk menggalakkan tebaran pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan sekuriti hutang untuk membayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan institusi bukan kewangan yang diluluskan. Penyelesaian mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang munasabah kepada pemberi pinjaman perumahan utama, menggalakkan pengembangan pembentukan bagi rumah-rumah pada kos yang berpatutan.